



ROY Cleveland Sullivan yang menjadi manusia paling banyak disambar petir.




MESKIPUN tidak membunuh, petir biasanya meninggalkan kecederaan teruk dan pelbagai kesan jangka masa panjang kepada mangsa.

Mangsa terdedah risiko gangguan personaliti

DI Virginia, Amerika Syarikat, Roy Cleveland Sullivan menjadi manusia paling malang apabila disambar petir sebanyak tujuh kali. Dia kemudian meragut nyawanya sendiri setelah cintanya ditolak oleh pasangan yang melihat perubahan pada personalitinya.

Satu kajian psikologi menjelaskan, mangsa panahan petir berisiko mengalami perubahan dan gangguan personaliti. Di kalangan mangsa yang mempunyai pasangan, hubungan mereka biasanya berakhir dengan perceraian disebabkan perubahan sikap dan emosi.

Fakta lebih menarik dan agak kurang diketahui pula mengatakan, mangsa panahan petir mempunyai 90 peratus peluang untuk selamat



SELAIN kecederaan fizikal, mangsa petir juga mengalami kesan seperti trauma dan gangguan psikologi.

sedangkan ramai beranggapan ia selalunya berakhir dengan maut. Ini bermakna dalam 10 individu yang disambar petir, hanya seorang maut.

Pengarah Kajian Pusat Kecemerlangan Perlindungan Kilat (CELP), Universiti Putra Malaysia, **Profesor Madya Dr. Mohd. Zainal Abidin Ab. Kadir** berkata, 90 peratus daripada mangsa yang disambar petir mempunyai peluang untuk hidup.

“Walaupun berkuasa membunuh, panahan petir tidak membunuh jika mangsa hanya terkena percikan.

“Jika melibatkan panahan secara terus (jarak dekat) ia bererti maut,” katanya.

Petir menghasilkan arus elektrik

sehingga 100 juta volt atau 30,000 ampere dengan kepanasan kira-kira 40,000 darjah celsius. Sebagai perbandingan, arus elektrik untuk kegunaan di rumah hanya sekitar 60 ampere.

Arus bervoltan tinggi itu tidak singgah tanpa kesan. Bahkan di Amerika Syarikat, jumlah kematian akibat panahan petir lebih tinggi berbanding bencana alam lain.

Di dalam jurnal tulisan penyelidik AS, Marry Ann Cooper, Christopher J. Andrews dan Ronald L. Holle bertajuk *Lightning Injuries* menjelaskan kesan dan simptom akibat panahan petir kepada manusia.

Kajian itu menjelaskan, 75 peratus daripada mangsa akan mengalami kecederaan kekal

dengan gangguan sistem saraf pusat dan kesan-kesan sampingan seperti kelecuman kulit, keclaruan minda, kemurungan, kebimbangan, kemerosotan daya ingatan dan trauma.

Kesan lebih serius termasuk kerosakan sistem organ terutama sistem kardiovaskular dan penangkapan kardio-pulmonari yang menjadi punca utama kematian.

Simptom jangka masa panjang lain termasuk gangguan pendengaran akibat gendang telinga pecah dan kecederaan mata seperti pendarahan retina.

Dilaporkan juga, kesan jangka panjang turut menyebabkan gangguan personaliti yang boleh mengundang pertelingkahan dalam hubungan.